

D989

UB140 A A B

LEE

OLEH A. KARIM SHUKOR

I

SINGAPURA, 20 OKT (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI ENCIK LEE KUAN YEW PERCAYA DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD AKAN TERUS KEKAL SEBAGAI PERDANA MENTERI MALAYSIA UNTUK +SATU JANGKA MASA YANG LAMA.+

+SAYA PERCAYA KEPIMPINAN DATUK SERI DR MAHATHIR DALAM UMNO AKAN KEKAL WALAUPUN SELEPAS PILIHAN RAYA AKAN DATANG,+ DEMIKIAN MENURUT LAPORAN AKHBAR TEMPATAN YANG MEMETIK ENCIK LEE SEBAGAI MEMBERITAHU WARTAWAN SINGAPURA SELEPAS MENEMUI DATUK SERI DR MAHATHIR DI KUALA LUMPUR SEMALAM.

APABILA DITANYA BAGAIMANA PARA PEMIMPIN BARU REPUBLIKITU, YANG DIKETUAI OLEH TIMBALAN PERDANA MENTERI PERTAMA, ENCIK GOH CHOK TONG, DAPAT MENGADAKAN HUBUNGAN ERAT DENGAN PUCUK PIMPINAN SELEPAS MAHATHIR DI MALAYSIA, ENCIK LEE BERKATA, HUBUNGANITU DAPAT DIWUJUDKAN DENGAN MUDAH KERANA MEREKA AKAN BERURUSAN DENGAN +MUKA-MUKA BARU+.

BAGAIMANAPUN, ENCIK GOH PERLU MEWUJUDKAN CARANYA YANG TERSENDIRI SEKIRANYA MAHU BEKERJASAMA RAPAT DENGAN DATUK SERI DR MAHATHIR, KATANYA.

APABILA DITANYA BAGAIMANA BELIAU DAPAT MEMBANTU ENCIK GOH MENGEKALKAN HUBUNGAN RAPAT DENGAN DATUK SERI DR MAHATHIR, ENCIK LEE, YANG SEKARANG BERADA DI KUALA LUMPUR MENGHADIRI MESYUARAT KETUA-KETUA KERAJAAN KOMANWEL (CHOGM)BERKATA, TIDAK ADA APA-APA YANG KHUSUS YANG DAPAT BELIAU LAKUKAN. -- LAGI

1326MST 20 10 8 9

D991

UB141 A A B

LEE 2 SINGAPURA

I

MENGENAI PERTEMUANNYA DENGAN DATUK SERI DR MAHATHIR, BELIAU BERKATA, MALAYSIA DAN SINGAPURA BERSETUJU MEMASTIKAN BAHAWA HUBUNGAN DUA HALA ANTARA KEDUA-DUA NEGARA TIDAK MENJADI +TERLALU FORMAL+.

BELIAU BERKATA, KEDUA-DUA NEGARA AKAN MEMASTIKAN SUPAYA HUBUNGAN DAN PERSEFAHAMAN YANG DICAPAI DI PERINGKAT TERTINGGI AKAN JUGA DIWUJUDKAN DI PERINGKAT BAWAH.

ENCIK LEE BERKATA, BELIAU AKAN TERUS MENEMUI DATUK SERI DR MAHATHIR WALAUPUN SELEPAS ENCIK GOH MENGAMBIL ALIH SEBAGAI PERDANA MENTERX PADA PENGHUJUNG TAHUN DEPAN.

APABILA DITANYA SAMA ADA PENUBUHAN KUMPULAN AKTIVIS PART1 TINDAKAN RAKYAT (PAP) DIBINCANGKAN DALAM PERTEMUAN +ITU, ENCIK LEE BERKATA, BELIAU TIDAK MEMBINCANGKAN PERKARA ITU DENGAN DATUK SERI DR MAHATHIR.

KUMPULAN AKTIVIS PAP IALAH SATU KUMPULAN YANG DIWUJUDKAN OLEH ANGGOTA GENERASI MUDA PART1 ITU UNTUK +MEMPERTAHANKAN KEDAULATAN+ NEGARA ITU DAN TELAH MENKRITIK BEBERAPA PERTUBUHAN DI MALAYSIA BARU-BARU INI KERANA MEMBUAT KECAMAN TERHADAP TINDAKAN YANG DIBUAT OLEH SINGAPURA. -- LAGI

1330MST 20 10 8 9

0992

UB142 A A B

LEE 3 SINGAPURA

I

BELIAU BAGAIMANAPUN BERKATA, DATUK SERI DR MAHATHIR ADA MENYEBUT MENGENAI MASALAH YANG DITIMBULKAN OLEH GENERASI MUDA DI KEDUA-DUA NEGARA KERANA SERINGKALI MEMBUAT KOMEN BERHUBUNG HAL EHWAL DALAM NEGERI NEGARA JIRAN TANPA MENGETAHUI SECARA LEBIH MENDALAM SEJARAH KEDUA-DUA NEGARA ITU.

+SAYA FIKIR PERBUATAN ITU TIDAK BIJAK. KEDUA-DUA PIHAK SEPATUTNYA MENJAUHKAN DIRI DARIPADA MEMBUAT KOMEN MENGENAI HAL EHWAL DALAM NEGERI NEGARA JIRAN,+ KATANYA. -- BERNAMA

1331MST 20 10 8 9